



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KEPUASAN KERJA GURU DAN PENSYARAH SAINS PERTANIAN  
DI SEKOLAH MENENGAH DAN INSTITUT PERTANIAN  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**HAMZAH BIN SAID**

**FPP 1994 11**

**KEPUASAN KERJA GURU DAN PENSYARAH SAINS PERTANIAN  
DI SEKOLAH MENENGAH DAN INSTITUT PERTANIAN  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

**HAMZAH BIN SAID**

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Untuk Mendapatkan  
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Pertanian Malaysia**

**1994**



## DEDIKASI

Diabadikan penghargaan paling istimewa dan terima kasih yang tidak terhingga untuk:

isteriku, Norhashimah yang tercinta,  
yang telah mencurahkan sepenuh pengorbanan,  
kasih sayang dan dorongan utama  
untukku mengejar cita-cita.

anak-anakku tersayang,  
Muhammad Aiman, Muhammad Ammar  
Muhammad Arief, Muhammad Ashraff  
yang belum mengerti cabaran dan dugaan  
namun tangis dan gelak tawa kalian  
memberikan kemeriahian rumahtangga.

Semoga kejayaan ini menjadi pendorong bagi kalian  
untuk belajar dengan lebih tekun bagi menghadapi  
hari-hari mendatang.

ibu bapa dan keluarga yang dikasihi,  
yang memberi perangsang dan sentiasa mendoakan  
kejayaan dan kesejahteraan kami.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, penulis melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.n kerana dengan limpah kurnia dan hidayahnya, dapat penulis menyiapkan tesis ini untuk memenuhi syarat penganugerahan ijazah Master Sains.

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyeliaan yang terdiri dari pengerusinya, Dr Abdul Patah Haji Abdul Malik dan ahli-ahli jawatankuasanya, Dr Ramlah Hamzah dan Dr Turiman Suandi kerana dorongan, tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan sepanjang penghasilan tesis ini. Minat, kesabaran dan dedikasi mereka amat dihargai penulis. Semoga Allah memberikan ganjaran yang setimpal dengan dorongan dan bimbingan mereka terhadap penulis.

Ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan kerana memberikan bantuan kewangan untuk penulis melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana mulai sesi 1992/93. Begitu juga, ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pertanian kerana memberikan kebenaran kepada penulis untuk menjalankan penyelidikan di Sekolah Menengah dan Institut Pertanian di Semenanjung Malaysia.

Penulis juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Pengetua, guru-guru dan pensyarah di Sekolah Menengah Akademik, Sekolah Menengah Vokasional (Pertanian) dan Institut

Pertanian yang dipilih dalam kajian ini kerana kepekaan dan kerjasama mereka yang memuaskan sepanjang kajian dijalankan.

Tidak lupa kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan dan Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, rakan-rakan program Master Sains di Universiti Pertanian Malaysia dan sesiapa sahaja yang turut membantu samada secara langsung atau tidak langsung, penulis juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih.

Akhir sekali, penulis ingin melahirkan rasa terima kasih dan penghargaan yang mendalam kepada isteri tersayang, Norhashimah Alias, anak-anak, Muhammad Aiman, Muhammad Ammar, Muhammad Arief, Muhammad Ashraff dan ibu bapa serta keluarga tercinta yang sentiasa mendoakan, memberi sokongan dan dorongan dalam menyempurnakan tesis ini.

Semoga Allah sentiasa melindungi dan memberkati segala usaha kita semua. Amin.

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN .....	iii
SENARAI JADUAL .....	ix
SENARAI RAJAH .....	xi
ABSTRAK .....	xii
ABSTRACT .....	xiv
BAB	
I PENGENALAN .....	1
Penyediaan Tenaga Kerja Dalam Sektor Pertanian ....	2
Sumber-sumber Guru Sains Pertanian .....	5
Latar belakang Masalah .....	6
Pernyataan Masalah .....	8
Objektif Kajian .....	9
Hipotesis Kajian .....	9
Kepentingan Kajian .....	11
Limitasi Kajian .....	11
Definisi Istilah .....	12
II SOROTAN LITERATUR .....	14
Teori-teori Kepuasan Kerja .....	15
Teori Hairaki Keperluan Maslow .....	16
Teori Dua Faktor Dorongan-Persekutaran Herzberg	18
Teori "Existence Relatedness Growth Alderfer"...	19
Teori Persamaan Adams .....	21
Kajian Tentang Kepuasan Kerja .....	23
Perkaitan Faktor Kerja Dengan Kepuasan Kerja .....	25
Keadaan Pekerjaan .....	25
Gaji .....	28
Peluang Kenaikan Pangkat .....	29
Penyeliaan .....	30
Rakan Sekerja .....	33
Rumusan .....	34
Faktor Demografi dalam Kepuasan Kerja .....	35
Tahap Pendidikan .....	35
Jantina dan Status Perkahwinan .....	37
Umur .....	38

## Halaman

Lokasi Institusi Pekerjaan .....	39
Pengalaman Kerja .....	40
Pendapatan .....	41
Rumusan .....	41
Kepuasan Kerja Dalam Bidang Pendidikan .....	42
Kepuasan Kerja Dalam Pendidikan Vokasional .....	44
Rumusan .....	46
<b>III METODOLOGI PENYELIDIKAN .....</b>	<b>47</b>
Reka bentuk Penyelidikan .....	47
Pembelahan Bersandar .....	47
Pembelahan Tidak Bersandar .....	47
Instrumen Penyelidikan .....	48
Populasi Penyelidikan .....	50
Persampelan .....	51
Kajian Rintis .....	52
Pentadbiran Soal selidik .....	53
Analisis Data .....	53
<b>IV HASIL KAJIAN .....</b>	<b>55</b>
Ciri Demografi Responden .....	55
Umur .....	55
Jantina .....	56
Status Perkahwinan .....	57
Pendapatan .....	57
Lokasi Sekolah/Institut .....	58
Pengalaman Mengajar .....	59
Institusi Pekerjaan .....	59
Kelayakan Akademik .....	60
Kelayakan Iktisas Perguruan .....	61
Kepuasan Kerja Keseluruhan Guru dan Pensyarah Sains Pertanian di Sekolah Menengah dan Institut Pertanian .....	62
Kepuasan Kerja Guru Sains Pertanian di Sekolah Menengah Akademik .....	62
Kepuasan Kerja Guru Sains Pertanian di Sekolah Menengah Vokasional .....	63
Kepuasan Kerja Pensyarah Sains Pertanian di Institut Pertanian .....	64
Perkaitan antara Faktor Demografi dengan Kepuasan Kerja .....	65
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Institusi Pekerjaan .....	66
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Kelayakan Iktisas Perguruan .....	68
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Kelayakan Akademik .....	69

## Halaman

Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Jantina .....	72
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Umur .....	73
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Pengalaman Mengajar .....	74
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Pendapatan .....	74
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Status Perkahwinan .....	77
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Lokasi Sekolah .....	79
Cadangan Responden Untuk Meningkatkan Kepuasan Kerja .....	80
V RINGKASAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN .....	83
Kaedah Penyelidikan .....	85
Keputusan .....	86
Kepuasan Kerja Guru dan Pensyarah	
Sains Pertanian .....	87
Perkaitan antara Faktor	
Demografi dengan Kepuasan Kerja .....	89
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Institusi Pekerjaan .....	89
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Kelayakan Akademik .....	89
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Pendapatan .....	90
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Kelayakan Iktisas Perguruan .....	90
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Jantina .....	91
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Umur .....	91
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Pengalaman Mengajar .....	91
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Status Perkahwinan .....	91
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Lokasi Sekolah .....	92
Perbincangan .....	92
Kepuasan Kerja Guru dan Pensyarah	
Sains Pertanian .....	92
Perkaitan antara Faktor Demografi dengan Kepuasan Kerja .....	93
Perbezaan Kepuasan Terhadap Penyeliaan Berdasarkan Institusi Pekerjaan .....	95

## Halaman

Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Kelayakan Iktisas .....	96
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Status Perkahwinan, Umur, Lokasi Sekolah dan Jantina ..	97
Perbezaan Kepuasan Kerja Berdasarkan Pendapatan .....	97
Rumusan .....	99
Cadangan .....	101
Cadangan untuk Penyelidikan akan Datang .....	104
BIBLIOGRAFI .....	105
LAMPIRAN .....	112
Lampiran A : Soal Selidik Kepuasan Kerja Guru .....	113
Lampiran B : Senarai Ahli-ahli Panel Penyemak Kesahan Isi Soal Selidik .....	125
VITA .....	127

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1	Taburan Responden Berdasarkan Umur .....	56
2	Taburan Responden Berdasarkan Jantina .....	56
3	Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan .....	57
4	Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Bulanan .....	58
5	Taburan Responden Berdasarkan Lokasi Sekolah/Institut .....	58
6	Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar .....	59
7	Taburan Responden Berdasarkan Institusi Pekerjaan .....	60
8	Taburan Responden Berdasarkan Kelayakan Akademik .....	61
9	Taburan Responden Berdasarkan Kelayakan Iktisas Perguruan .....	61
10	Kepuasan Kerja Guru dan Pensyarah Sains Pertanian .....	63
11	Perkaitan Antara Pendapatan, Umur, Pengalaman Mengajar, Kelayakan Iktisas dan Kelayakan Akademik dengan Kepuasan Kerja .....	66
12	Analisis Varian Sehala Kepuasan terhadap Corak Penyeliaan Berdasarkan Institusi Pekerjaan .....	67
13	Ujian Scheffe Bagi Kepuasan Terhadap Corak Penyeliaan Berdasarkan Institusi Pekerjaan ...	68
14	Ujian-t Kepuasan Kerja Berdasarkan Kelayakan Iktisas .....	69
15	Analisis Varian Sehala Kepuasan Terhadap Gaji Berdasarkan Kelayakan Akademik .....	70
16	Ujian Scheffe Bagi Kepuasan Terhadap Gaji Berdasarkan Kelayakan Akademik .....	70

## **Halaman**

17	Analisis Varian Sehala Kepuasan Terhadap Penyeliaan Berdasarkan Kelayakan Akademik ....	71
18	Ujian Scheffe Bagi Kepuasan Terhadap Penyeliaan Berdasarkan Kelayakan Akademik ....	71
19	Ujian-t Kepuasan Kerja Berdasarkan Jantina .....	73
20	Analisis Varian Sehala Kepuasan Terhadap Keadaan Pekerjaan Sekarang Berdasarkan Pendapatan .....	74
21	Ujian Scheffe bagi Kepuasan Terhadap Keadaan Pekerjaan Sekarang Berdasarkan Pendapatan .....	75
22	Analisis Varian Sehala Kepuasan Terhadap Gaji Berdasarkan Pendapatan .....	75
23	Ujian Scheffe Bagi Kepuasan Terhadap Gaji Berdasarkan Pendapatan .....	76
24	Analisis Varian Sehala Kepuasan Terhadap Pekerjaan Keseluruhan Berdasarkan Pendapatan .	76
25	Ujian Scheffe Bagi Kepuasan Terhadap Pekerjaan Keseluruhan Berdasarkan Pendapatan .	77
26	Ujian-t Kepuasan Kerja Berdasarkan Status Perkahwinan .....	78
27	Ujian-t Kepuasan Kerja Berdasarkan Lokasi Sekolah/Institut .....	80

## SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1 Sistem Pendidikan di Malaysia .....	3
2 Pengelasan Teori-teori Kepuasan Kerja .....	16
3 Teori Hairaki Keperluan Maslow .....	18
4 Faktor-faktor Kepuasan Kerja Herzberg ...	19
5 Perkaitan Antara Teori Dorongan Dalam Kepuasan Kerja .....	21
6 Kerangka Model Kepuasan Kerja .....	48

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian dari syarat-syarat keperluan Ijazah Master Sains.

**KEPUASAN KERJA GURU DAN PENSYARAH SAINS PERTANIAN  
DI SEKOLAH MENENGAH DAN INSTITUT PERTANIAN  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

**HAMZAH BIN SAID**

**JULAI 1994**

Pengerusi : Abdul Patah Haji Abdul Malik, Ph.D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menentukan tahap kepuasan kerja guru dan pensyarah Sains Pertanian di Sekolah Menengah dan Institut Pertanian di Semenanjung Malaysia. Sembilan faktor demografi responden (kelayakan iktisas, kelayakan akademik, umur, jantina, status perkahwinan, pengalaman mengajar, pendapatan, institusi pekerjaan dan lokasi) juga dikaji untuk menentukan samada wujud perbezaan dalam kepuasan kerja.

Seramai 191 orang guru dan pensyarah telah dipilih secara persampelan rawak berlapis di mana 165 responden telah memberikan maklumbalas. Instrumen 'Job Descriptive Index' telah digunakan untuk mengukur tahap kepuasan kerja. Soal selidik secara pos digunakan untuk mengumpulkan data. Tiga kali penghantaran soal selidik telah dilakukan dalam selang masa dua minggu. Data dianalisis menggunakan SPSS PC+. Statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan untuk menguji hipotesis.

Keputusan analisis menunjukkan majoriti guru dan pensyarah berpuas hati dengan kerja keseluruhan, keadaan pekerjaan sekarang, rakan sekerja dan penyeliaan tetapi tidak berpuas hati dengan peluang kenaikan pangkat dan gaji mereka. Terdapat perkaitan positif di antara pendapatan dan kelayakan akademik dengan kepuasan terhadap gaji; tetapi perkaitan negatif didapati antara kelayakan akademik dengan kepuasan terhadap penyeliaan dan di antara pengalaman mengajar dengan peluang kenaikan pangkat.

Hasil kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan kepuasan terhadap penyeliaan di kalangan responden dari ketiga-tiga institusi iaitu Sekolah Menengah Akademik, Sekolah Menengah Vokasional dan Institut Pertanian. Responden yang mempunyai kelayakan akademik yang berbeza (sijil, diploma dan ijazah) juga mempunyai perbezaan yang signifikan kepuasan terhadap penyeliaan dan gaji. Terdapat juga perbezaan yang signifikan kepuasan terhadap gaji, keadaan pekerjaan sekarang dan kepuasan pekerjaan keseluruhan berdasarkan pendapatan.

Keputusan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepuasan kerja berdasarkan kelayakan iktisas, pengalaman mengajar, jantina, umur, status perkahwinan dan lokasi sekolah.

Adalah dicadangkan supaya struktur gaji dan peluang kenaikan pangkat guru dan pensyarah Sains Pertanian dikaji semula supaya dapat memberikan kebaikan dan kepuasan kepada guru-guru ini. Di samping itu pengetua perlu mengubah corak penyeliaan mereka supaya dapat meningkatkan tahap kepuasan guru, seterusnya meningkatkan dorongan supaya memberikan lebih komitmen terhadap pekerjaan mereka.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia as partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**JOB SATISFACTION OF SECONDARY SCHOOL AGRICULTURE TEACHERS AND AGRICULTURE INSTITUTE LECTURERS IN PENINSULAR MALAYSIA**

By

**HAMZAH BIN SAID**

**JULY 1994**

**Chairperson : Abdul Patah Haji Abdul Malik, Ph.D.**

**Faculty : Educational Studies**

The main objective of this study was to determine the level of job satisfaction of Secondary School Agriculture Teachers and Agriculture Institute Lecturers in Peninsular Malaysia. This study also attempted to determine if difference in job satisfaction existed between nine demographic variables (profesional qualifications, academic qualifications, age, sex, marital status, teaching experience, income, working institution and school location) of the respondents.

A stratified random sampling of 191 teachers and lecturers was done; out of which a sample of 165 respondents was obtained. The 'Job Descriptive Index' instrument was used to measure the level of job satisfaction. Data were collected by mailed questionnaire. Three mailings were made, each about two weeks apart. Data were analyzed by SPSS PC+. Both descriptive and inferential statistics were used to test several hypotheses.

Results of the analysis showed that the majority of the teachers and lecturers were satisfied with their overall satisfaction, present job, co-workers and supervision. However they were not satisfied with promotion and pay aspects of the Job Satisfaction. There were positive correlations between income and academic qualifications with pay satisfaction; but negative correlations were found between academic qualifications with supervision and also between teaching experience with opportunity for promotion.

The findings also showed that there were significant differences in satisfaction towards supervision among respondents of the three institution namely; Academic Secondary School, Vocational Secondary School and Agriculture Institute. Respondents of the different levels of academic qualification (certificate, diploma and degree) differed significantly in their satisfaction towards supervision and pay. There were also significant differences in satisfaction towards pay, present job and overall satisfaction basing on income.

The results also indicated that there were no significant differences in job satisfaction based on professional qualifications, teaching experience, sex, age, marital status and school location.

It was recommended that the wage structure and promotional opportunities for Agriculture teachers and lecturers be appraised for their benefits and satisfaction. It was also necessary for the principals to improve their method of supervision in order to increase the level of satisfaction of the teachers; and at the same time to motivate them to be more committed to their profession.

## BAB I

### PENGENALAN

Sektor pertanian telah dan sedang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara semenjak merdeka lagi. Sektor ini menyediakan peluang yang luas dari segi pekerjaan, pembekalan sumber bahan mentah kepada sektor perindustrian berdasarkan pertanian, penyediaan sumber makanan dan juga peningkatan eksport negara. Sektor pertanian menyumbangkan 18.7 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan memberikan peluang pekerjaan kepada 27.8 peratus penduduknya pada tahun 1990. Kadar pertumbuhan sektor pertanian juga bertambah daripada 3.1 peratus dalam tempoh 1981-1985 kepada 4.6 peratus dalam tempoh 1986-1990 (INTAN, 1992).

Walau bagaimanapun dalam dekad sembilan puluhan ini, beberapa cabaran yang lebih besar akan dihadapi dalam membangunkan sektor pertanian. Dengan pertumbuhan yang pesat dalam sektor pembuatan, perkilangan dan perkhidmatan serta bertambah pentingnya industri berdasarkan pertanian, sektor pertanian perlu turut berkembang bagi menjamin bekalan bahan pertanian yang mencukupi dan berkekalan kepada sektor tadi (Kerajaan Malaysia, 1991).

Oleh itu teras masa hadapan sistem perladangan dan projek pertanian akan memerlukan kepada penyediaan latihan dan khidmat pengembangan yang mencukupi. Ini memerlukan pegawai pertanian, agen pengembangan serta juruteknik yang berkelayakan, berpengetahuan dalam


penggunaan teknologi moden dan mahir dalam teknik pengurusan ladang (Kerajaan Malaysia, 1991).

Untuk mencapai objektif Dasar Pertanian Negara yang menekankan kepada memaksimumkan pendapatan sektor pertanian melalui penggunaan sumber negara secara cekap dan berkesan, maka perhatian kepada institusi yang membekalkan tenaga profesional, tenaga mahir dan separuh mahir serta tenaga buruh dalam sektor ini tidak boleh diabaikan. Institusi latihan dan pendidikan pertanian di Malaysia memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja dalam bidang pertanian bagi pelbagai peringkat samada dalam sektor awam maupun swasta. Rajah 1 menunjukkan susunan sistem pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia yang menyediakan latihan dan pendidikan dalam bidang pertanian.

#### **Penyediaan Tenaga Kerja Dalam Sektor Pertanian**

Mohd. Shah (1980) membahagikan tahap penyediaan tenaga kerja dalam pertanian kepada empat peringkat :

1. Sub operatif - menyediakan kumpulan pekerja separuh mahir dan pada peringkat pekerja ladang. Mereka dilatih dalam bidang kemahiran tertentu untuk menjalankan tugas tertentu seperti Pemandu Traktor, Penjaga Tanaman, Pencantum Mata tunas dan Mandur.
2. Operatif/Sijil - pekerja yang dilatih dalam pelbagai bidang kemahiran untuk membantu melaksanakan projek pertanian seperti Juruteknik, Pembantu Ladang, Agen Pengembangan dan Penyelia Pertanian.



Rajah 1 – Sistem Pendidikan di Malaysia  
(Ministry of Education Malaysia, 1990)

3. Separa Profesional - golongan ini mempunyai pendidikan sehingga tahap diploma dan bertanggungjawab dalam membantu kerja pentadbiran seperti Pembantu Pertanian, Pengurus Ladang, Penolong Pengurus Estet dan Pembantu Penyelidik.
4. Profesional - bertanggungjawab dan berkemahiran dalam perancangan, pentadbiran dan penyelidikan pertanian seperti Pengarah, Pegawai Eksekutif, Pengurus Estet, Pegawai Penyelidik dan Pegawai Pertanian.

Untuk melahirkan tenaga kerja ini terutama di peringkat operatif/sijil, terdapat dua kementerian yang memainkan peranan utama menganjurkan program latihan dan pendidikan iaitu Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertanian.

Di bawah Kementerian Pendidikan, terdapat tiga jenis institusi pendidikan pertanian yang menawarkan pendidikan sehingga peringkat sijil iaitu Sekolah Menengah Akademik, Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional.

Di Sekolah Menengah Akademik, Sains Pertanian dijadikan salah satu elektif dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat menengah rendah dan elektif penuh di peringkat menengah atas. Sains Pertanian ditawarkan sebagai mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik manakala di Sekolah Menengah Vokasional pula, Sains Pertanian ditawarkan sebagai mata pelajaran pengkhususan utama di samping mata pelajaran lain.

Manakala Kementerian Pertanian melalui Cawangan Latihan dan Institut menganjurkan program peringkat sijil di Institut Pertanian di seluruh Malaysia. Kursus ini ditawarkan selama tiga tahun, iaitu dua

tahun setengah di jalankan di institut dan enam bulan lagi sebagai latihan amali di agensi-agensi pertanian.

### **Sumber-sumber Guru Sains Pertanian**

Perkembangan pertanian di Malaysia dan keperluan memenuhi tenaga kerja dalam bidang pertanian bergantung kepada sejauh mana komitmen dan produktifnya guru dalam memainkan peranan mereka. Oleh itu peranan guru semakin mencabar kerana fungsi mereka bukan sahaja mengajar, malah mereka juga merupakan pengasuh yang menanggung, menyelia dan menjaga disiplin; penunjuk kepada teladan yang perlu diikuti; pengajar dan pembimbing dalam pengalaman mengajar; penyelidik yang perlu mengetahui penemuan dan tafsiran baru tentang sesuatu; menyampaikan maklumat kepada masyarakat setempat; rakan sejawat yang saling bantu membantu; pentadbir dan perancang program dan organisasi serta penilai kepada program dan prestasi pelajar (Mannebach, 1993 dan Saedah et al., 1993) menyebabkan kaedah pengambilan guru perlu dititikberatkan.

Memandangkan terdapatnya dua kementerian utama dalam mengendalikan program pendidikan dalam sektor pertanian, maka kaedah pengambilan guru juga berbeza. Kementerian Pendidikan mendapatkan guru-gurunya daripada dua sumber. Pertama, guru siswazah yang mengikuti program selama empat tahun dalam bidang pendidikan dan pertanian di Universiti Pertanian Malaysia dan kemudiannya dianugerahkan Ijazah Pendidikan Sains Pertanian. Mereka ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Sains Pertanian di peringkat menengah atas di Sekolah Menengah Akademik, Teknik dan Vokasional.

Sumber kedua guru Sains Pertanian Kementerian Pendidikan adalah guru bukan siswazah. Mereka mengikuti program pengajian selama tiga

tahun di Maktab Perguruan dan dikurniakan Sijil Perguruan. Mereka ditugaskan untuk mengajar kelas Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat menengah rendah.

Manakala Kementerian Pertanian pula mengambil tenaga pengajarnya daripada siswazah lepasan ijazah dan diploma dalam bidang pertanian atau yang berkaitan dengannya untuk mengajar di Institut Pertanian. Mereka akan menjalani kursus dalam perkhidmatan berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran selama empat hingga enam minggu yang dianjurkan oleh Cawangan Latihan dan Institut Kementerian Pertanian.

### **Latar belakang Masalah**

Kejayaan pelaksanaan program latihan dan pendidikan pertanian di Malaysia adalah juga bergantung kepada guru-gurunya. Komitmen dan rasa tanggungjawab mereka dalam pendidikan pertanian akan dapat melahirkan tenaga kerja yang mahir, bertanggungjawab dan peka terhadap segala permasalahan yang timbul.

Biasanya penempatan guru untuk mengajar adalah berdasarkan kepada keperluan sekolah dan kelayakan iktisas perguruan yang dimiliki. Mereka akan dibenarkan mengajar setelah menamatkan kursus perguruan samada di peringkat sijil, diploma atau ijazah. Walau bagaimanapun terdapat satu lagi alternatif, iaitu penempatan guru tidak berdasarkan kepada kelayakan iktisas perguruan. Mereka ditugaskan sebagai guru berdasarkan kelulusan akademik yang mereka miliki berkaitan dengan sesuatu mata pelajaran atau kelayakan bidang pekerjaan yang mereka pelajari.

Di Malaysia hari ini, terdapat dua kumpulan guru yang mengajar mata pelajaran Sains Pertanian di Sekolah Menengah dan Institut Pertanian. Kumpulan pertama mempunyai kelayakan iktisas perguruan manakala satu kumpulan lagi tidak mempunyai kelayakan iktisas perguruan.

Memandangkan perbezaan kelayakan yang dipunyai oleh guru-guru ini maka kepuasan berkerja mereka mungkin berbeza. Kajian tentang kepuasan kerja di kalangan pekerja tentang bentuk latihan asas yang diterima adalah berkurangan. Kajian oleh Gray (1984) terhadap jururawat di Australia mendapati bentuk latihan yang berbeza mempunyai kaitan yang signifikan terhadap kepuasan kerja. Cherniss dan Kane (1987) pula mendapati tiada perbezaan yang signifikan di antara pekerja profesional dengan pekerja kolar biru dari segi kepuasan kerja dan kehendak intrinsik. Manakala individu yang bekerja berkaitan dengan bidang latihan yang mereka terima menunjukkan tahap kepuasan kerja yang tinggi (Drexler dan Lindell, 1981).

Kajian oleh Mohd. Ibrahim (1988) tentang tahap pengetahuan profesional guru Sains Pertanian mendapati guru yang mempunyai latihan asas perguruan mempunyai tahap pengetahuan profesional yang lebih tinggi dari guru yang tidak mempunyai kelayakan iktisas perguruan.

Oleh kerana institusi latihan dan pendidikan pertanian di Malaysia mengambil tenaga pengajarnya dari sumber yang berbeza dan kajian yang mendapati guru ini mempunyai tahap pengetahuan profesional yang berbeza, maka kajian ini dibuat untuk menentukan samada terdapat juga perbezaan kepuasan kerja guru dan pensyarah pertanian di Sekolah

Menengah dan Institut Pertanian yang mempunyai kelayakan iktisas perguruan dan yang tidak mempunyai kelayakan iktisas perguruan.

### **Pernyataan Masalah**

Dewasa ini terdapat tanda menunjukkan kepuasan kerja guru dan pensyarah Sains Pertanian telah menurun. Beban kerja yang banyak merupakan unsur utama yang menyebabkan ketidakpuasan kerja (Borg dan Riding, 1991). Tambahan pula tanggapan bahawa Sains Pertanian hanya layak untuk pelajar lemah dan tidak berpotensi untuk bidang lain, menyebabkan kelas Sains Pertanian menjadi tempat longgokan pelajar sedemikian. Kajian oleh Zaidatol Akmaliah dan Sharifah Nor (1990) terhadap pealiran pelajar di peringkat menengah rendah menunjukkan pelajar yang mengambil Sains Pertanian merupakan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang paling rendah dibandingkan dengan elektif lain. Prestasi pelajar yang rendah ini menyebabkan kurangnya kepuasan kerja di kalangan guru (Noran Fauziah dan Sharifah Nor, 1990).

Di samping itu, tanggapan guru lain bahawa Sains Pertanian adalah berstatus rendah boleh menyebabkan guru dan pensyarah Sains Pertanian merasa tertekan dan rendah diri, sedangkan faktor penghormatan rakan sekerja terhadap tugas mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kepuasan kerja (Sylvia dan Hutchinson, 1985). Malahan pengambilan guru dan pensyarah Sains Pertanian tanpa menekankan kepada kelayakan iktisas perguruan juga mempengaruhi kepuasan kerja guru. Cano dan Miller (1992) mendapati guru Sains Pertanian yang tidak mengikuti latihan asas perguruan mempunyai min skor kepuasan kerja keseluruhan yang rendah daripada guru yang mengikuti latihan asas perguruan.

Persoalan yang wujud, adakah guru Sains Pertanian di Sekolah Menengah dan pensyarah di Institut Pertanian di negara ini berpuas hati dengan kerja mereka?

### **Objektif Kajian**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji tahap kepuasan kerja guru Sains Pertanian di Sekolah Menengah dan pensyarah di Institut Pertanian.

Objektif khusus kajian ini adalah :

1. Mengenal pasti faktor demografi terpilih guru dan pensyarah Sains Pertanian (kelayakan ikitisas, kelayakan akademik, jantina, umur, pengalaman mengajar, pendapatan, lokasi sekolah dan status perkahwinan) dan kaitannya dengan kepuasan kerja.
2. Menentukan sama ada terdapat perbezaan kepuasan kerja yang signifikan antara guru Sains Pertanian di Sekolah Menengah dan pensyarah di Institut Pertanian.

### **Hipotesis Kajian**

Hipotesis untuk kajian ini adalah :

1. Terdapat perkaitan yang positif antara pendapatan, umur, pengalaman mengajar, kelayakan iktisas dan tahap pendidikan dengan kepuasan kerja guru dan pensyarah Sains Pertanian di Semenanjung Malaysia.
2. Guru Sains Pertanian di Sekolah Menengah Akademik dan Vokasional lebih berpuas hati dengan kerja mereka berbanding dengan pensyarah di Institut Pertanian.